

15 minit terperangkap dalam lif

IPOH - Seramai 10 orang terperangkap kira-kira 15 minit di dalam lif sebuah pusat membeli-belah, di sini, semalam.

Jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Perak berkata, kejadian jam 2.40 petang itu melibatkan enam wanita dan empat lelaki.

"Semua mangsa berjaya dikeluarkan oleh pihak penyelenggaraan lif dengan selamat dan operasi menyelamatkan tamat sepenuhnya pada jam 3.02 petang.

"Anggota dari Balai Bomba dan

Penyelamat Ipoh yang tiba di lokasi segera membuat pemantauan bagi memastikan semua mangsa selamat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, pasangan warga emas masing-masing berusia 71 dan 74 tahun dilaporkan terperangkap lebih 24 jam dalam lif di pusat membeli-belah yang sama.

Kedua-dua mereka berada dalam keadaan letih dan tidak bermaya selepas diselamatkan.